



How to cite this article:

Halim, M. H., & Tang, C. F. (2024). Kesan penyederhana sikap usahawan terhadap hubungan antara pembiayaan mikro dan prestasi perusahaan mikro bumiputera. *International Journal of Management Studies*, 31(2), 711-746. <https://doi.org/10.32890/ijms2024.31.2.12>

KESAN PENYEDERHANA SIKAP USAHAWAN TERHADAP HUBUNGAN ANTARA PEMBIAYAAN MIKRO DAN PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO BUMIPUTERA

*(The Moderating Effect of Entrepreneurial Attitudes on the
Relationship Between Microfinance and Bumiputera
Micro-Enterprise Performance)*

¹Mat Hashim Halim & ²Chor Foon Tang

¹Maxxan Realty Sdn. Bhd. (Perda Branch), Penang, Malaysia

²Centre for Policy Research, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

²Corresponding author: tcfoon@usm.my

Received: 16/7/2022 Revised: 5/3/2024 Accepted: 27/3/2024 Published: 30/7/2024

ABSTRAK

Pembiayaan kewangan dan sikap usahawan dilihat memainkan peranan penting dalam membantu pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana (PKS). Kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh manakah perkara ini memberi kesan secara langsung dan tidak langsung ke atas prestasi PKS. Tumpuan kajian diberikan kepada perusahaan bersaiz mikro Bumiputera di Pulau Pinang. Sejumlah 350 orang usahawan mikro Bumiputera di Pulau Pinang yang menerima pembiayaan kewangan mikro daripada pelbagai agensi dan institusi kewangan telah dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah

pensampelan bola salji. Kaedah regresi berbilang digunakan bagi menerangkan pengaruh faktor pembiayaan dan sikap usahawan ke atas prestasi usahawan mikro Bumiputera di Pulau Pinang. Dapatan kajian mendapati pembiayaan mikro dan sikap usahawan memberikan pengaruh secara langsung yang signifikan positif ke atas prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Hasil kajian dapat memberikan sumbangan kepada institusi kewangan dalam menilai keberkesanan kemudahan pembiayaan mikro di samping memberikan manfaat kepada usahawan mikro dalam membantu mengenal pasti faktor sikap yang dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi perusahaan.

Kata kunci: Bumiputera, perusahaan mikro, pembiayaan mikro, Pulau Pinang, sikap usahawan.

ABSTRACT

It is believed that microfinance and entrepreneurial attitudes contribute significantly to the expansion of micro, small, and medium-sized businesses (SMEs). This study was conducted to determine the direct and indirect effects of these factors on the performance of Bumiputera micro-enterprises in Penang. A total of 350 micro Bumiputera firms in Penang which received microfinance from various agencies and financial institutions were chosen as the sample through the snowball sampling approach. The influence of microfinance and entrepreneur attitude on the performance of Bumiputera micro companies in Penang is explained using multiple regression analysis. The regression study predicted that microfinance and entrepreneurial attitude have a direct and significant favourable effect on the performance of Bumiputera micro companies. The findings of this study can be used by financial institutions to evaluate the efficacy of microfinance facilities and by microbusinesses to identify attitude that contribute to enhancing enterprise success.

Keywords: Bumiputera, micro-enterprises, microcredit, entrepreneur attitudes, Penang.

PENGENALAN

Secara umumnya, pembiayaan mikro berperanan dalam menyediakan perkhidmatan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah

(Ferrari et al., 2006). Menurut Ali et al. (2013), pembiayaan mikro merupakan program yang menyediakan pinjaman kepada golongan miskin atau berpendapatan rendah untuk menjalankan sesuatu aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan ke arah membangunkan ekonomi diri sendiri dan keluarga.

Pada dasarnya, idea kepada penubuhan institusi kewangan mikro adalah untuk menyediakan akses kewangan yang mudah kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang tidak mendapat pembiayaan daripada bank (Kibet et al., 2015; Olowe et al., 2013). Institusi kewangan yang menawarkan kemudahan pembiayaan mikro ini memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang kepada pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan kadar kemiskinan (Mwangi et al., 2014). Bank Pembangunan Asia (ADB) menggariskan pembiayaan mikro sebagai satu kaedah dalam mengurangkan kadar kemiskinan di Asia dan juga Pasifik. ADB (2018) percaya bahawa akses kepada pembiayaan mikro merupakan salah satu langkah yang berkesan dalam meningkatkan taraf hidup. Kepentingannya jelas dilihat apabila Bank Dunia telah mengiktiraf program pembiayaan mikro sebagai satu kaedah dalam membantu mengatasi masalah ketidaksamaan pendapatan serta mengurangkan kadar kemiskinan, dan program ini telah terbukti berjaya di kebanyakan negara sedang membangun seperti Bangladesh, India, Indonesia, Filipina, dan Kenya (Ali et al., 2013).

Seperti negara-negara lain, sektor PKS juga berperanan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia, khususnya dalam menjana keseimbangan pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan, serta berperanan sebagai landasan kepada usahawan mikro dan kecil untuk mengembangkan kemahiran ke arah menjadi sebuah perusahaan besar dan berdaya saing (Chee, 1986). Berdasarkan statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, PKS menyumbang 38.3 peratus ke atas KDNK negara pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, dan meningkat kepada 38.9 peratus pada tahun 2019. Walaupun sumbangan PKS menurun sedikit pada tahun 2020 dengan kadar 38.1 peratus dan 37.4 peratus pada tahun 2021, namun secara relatif kadar sumbangannya masih kekal melebihi satu pertiga daripada keseluruhan KDNK negara. Manakala dari segi guna tenaga pula, PKS didapati menyumbang 47.8 peratus daripada keseluruhan guna

tenaga di Malaysia pada tahun 2021, manakala daripada segi eksport, sektor ini menyumbang 11.7 peratus daripada keseluruhan eksport negara pada tahun yang sama (SME Corporation, 2023). Berdasarkan kepentingannya kepada pertumbuhan ekonomi negara, pelbagai inisiatif dan dasar pembangunan PKS telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam membantu membangun dan mengembangkan lagi sektor ini.

Merujuk kepada profil PKS, landskap pertumbuhan sektor ini telah berkembang dengan baik sejak tahun 2016. Sehingga tahun 2021, statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 1,226,494 PKS yang berdaftar di Malaysia yang menyumbang sebanyak 97.4 peratus daripada keseluruhan pertumbuhan di Malaysia berbanding dengan hanya 78.6 peratus daripadanya ialah perusahaan mikro (SME Corporation, 2023). Terdapat peningkatan kira-kira 14,000 buah firma berbanding sejumlah 1,086,533 PKS pada tahun 2016 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 5.2 peratus setahun sepanjang tempoh enam tahun berkenaan. Bancian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Asia Tenggara (ISEAS) pula menunjukkan 88 peratus daripada perusahaan milik bumiputera berada dalam kategori mikro (Ekonomi Rakyat, 2020). Atas dasar ini, usahawan bumiputera dilihat lebih mendapat manfaat daripada pelan-pelan pembangunan PKS, khususnya kepada sektor mikro yang dilaksanakan oleh kerajaan. Malahan, Samsul Adabi Mamat, Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut menegaskan bahawa perusahaan mikro memainkan peranan yang penting dalam memberikan keseimbangan ekonomi di antara kaum serta dapat menambahbaikkan lagi Pelan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang dilancarkan oleh kerajaan memandangkan hampir 90 peratus daripada syarikat Bumiputera berada dalam kategori mikro (Sinar Harian, 2014).

Sepertimana digariskan oleh Adomako et al. (2016), kewangan merupakan aspek penting dalam operasi sesebuah firma. Malahan, banyak kajian telah membuktikan aspek kewangan dapat memberikan pengaruh positif kepada perkembangan PKS (Fauster, 2015; Kijkasiwat & Phuensane, 2020; Kibet et al., 2015; Mahmood & Mohamad, 2013; Ojelabi et al., 2015; Sule, 2018; Ashamu, 2014). Berdasarkan kepentingan aspek kewangan ini, pelbagai program

pembiayaan dan bantuan kewangan diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu usahawan PKS dalam bentuk sumber modal dan kewangan. Meskipun pelbagai dasar dan insentif diperkenalkan oleh kerajaan kepada golongan bumiputera, namun taraf ekonomi kaum ini dilihat masih tidak sejajar dengan pembangunan negara. Pencapaian ekonomi usahawan bumiputera dilihat masih jauh ketinggalan berbanding kaum lain. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang disusuli dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tidak meninggalkan impak ketara terhadap pertumbuhan ekonomi bumiputera (Berita Harian, 2019). Golongan usahawan PKS Bumiputera hanya menyumbang sekitar 8 peratus iaitu kira-kira 104 juta dalam KDNK pada tahun 2018, dan jumlah berkenaan terlalu rendah berbanding nilai keseluruhan KDNK iaitu RM1.3 trilion walaupun banyak program dan langkah pembangunan usahawan telah dilakukan untuk golongan Bumiputera (Sinar Harian, 2019). Menurut Profesor Madya Dr. Anuar Shah Bali Mahomed dari Pusat Pengajian Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, biarpun hampir 64 tahun negara mencapai kemerdekaan, dan meskipun pahit untuk ditelan, hakikatnya masyarakat bumiputera masih belum setanding dengan kaum lain di negara ini, terutamanya dari sudut ekonomi (The Sun Daily, 2021).

Dalam keadaan ini, faktor kewangan dilihat tidak sepenuhnya berperanan dalam membantu pembangunan PKS, malahan kajian yang dijalankan oleh Tammili et al. (2017) turut gagal membuktikan pengaruh kewangan terhadap pencapaian PKS. Menurut Dewi dan Christian (2017), selain aspek kewangan, terdapat faktor lain yang turut berperanan dalam mempengaruhi prestasi PKS, dan salah satu faktor yang dikenal pasti ialah sikap usahawan. Malahan, Dewi dan Christian (2017) turut menjelaskan bahawa terdapat perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang boleh berkembang maju tanpa bantuan kewangan. Namun usahawan terbabit perlulah mempunyai nilai keusahawanan dengan sikap dan kemahiran pengurusan yang baik. Salah satu isu yang dikenal pasti kepada rendahnya pencapaian kaum Bumiputera dalam sektor ekonomi ialah kekurangan kemampuan dan kemahiran dalam menguruskan peluang serta penggunaan sumber kewangan yang disediakan dengan betul bagi membangunkan perusahaan.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan pembiayaan mikro dan sikap usahawan Bumiputera terhadap prestasi perusahaan

mikro melalui analisis regresi berbilang. Di samping itu, kajian ini turut dikembangkan untuk mengkaji kesan penyederhanaan sikap usahawan terhadap hubungan antara pembiayaan dengan prestasi perusahaan mikro. Untuk menjayakan penyelidikan ini, soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data primer usahawan Bumiputera di pelbagai daerah di negeri Pulau Pinang.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat pelbagai kajian empirikal telah dijalankan terhadap pembiayaan mikro dan prestasi perusahaan. Tambahan pula, pelbagai faktor dalaman dan luaran telah dikenal pasti mempengaruhi prestasi perusahaan. Bahagian sorotan karya lepas ini mempersembahkan dan membincangkan bagaimana bilangan pekerja, modal permulaan, pembiayaan mikro dan sikap usahawan mempengaruhi prestasi perusahaan serta membentuk kerangka konseptual untuk kajian ini.

Bilangan Pekerja

Bilangan pekerja merupakan antara faktor dalaman yang dilihat turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi sesebuah perusahaan. Pengaruh positif faktor ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Chen dan Chen (2020), terhadap prestasi PKS di sektor perkhidmatan di China menunjukkan bahawa bilangan pekerja mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap prestasi sektor berkenaan. Pengaruh positif faktor bilangan pekerja turut disokong oleh penemuan dari beberapa kajian lain seperti kajian yang dijalankan oleh Ali et al. (2020), Chikoko et al. (2021), dan Aziz et al. (2020).

Ali et al. (2020) mengkaji pengaruh modal kewangan dan modal insan terhadap PKS di Pakistan. Kajian tersebut mendapati bilangan pekerja mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap prestasi PKS. Penemuan yang sama turut digariskan oleh Chikoko et al. (2021) dalam kajiannya berhubung pengaruh saiz firma terhadap prestasi PKS di sektor pertanian di Zimbabwe. Aziz et al. (2020) dalam kajiannya bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi prestasi PKS telah merumuskan bahawa faktor bilangan pekerja merupakan antara faktor yang memberikan kesan positif yang signifikan terhadap prestasi PKS di sektor perkhidmatan di Malaysia.

Modal Permulaan

Modal permulaan juga merupakan sebahagian daripada faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada pertumbuhan dan prestasi sesebuah perusahaan dan perniagaan. Kepentingan faktor ini dapat dilihat dalam penemuan beberapa kajian lalu seperti kajian yang dijalankan oleh Heryadi et al. (2021), Ahmed dan Seidu (2021), Girma dan Degefu (2020), dan Wang et al. (2020).

Secara khususnya, Heryadi et al. (2021) telah meneliti pengaruh modal permulaan dan tahap pendidikan terhadap prestasi PKS di Indonesia. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa modal permulaan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap prestasi PKS. Di samping itu, kajian seperti Ahmed dan Seidu (2021) di Ghana, Girma dan Degefu (2020) di Ethiopia, dan Wang et al. (2020) juga mendapati modal permulaan memberikan kesan yang positif terhadap prestasi PKS, terutamanya kepada aspek keuntungan dan pertumbuhan jualan.

Pembiayaan Mikro

Walaupun terdapat banyak kajian terhadap pembiayaan mikro, tetapi kajian lepas kesan pembiayaan mikro terhadap petunjuk prestasi PKS tidak dapat ditentukan dengan baik. Beberapa kajian lepas telah menunjukkan pengaruh positif program pembiayaan mikro ke atas petunjuk-petunjuk sosioekonomi, seperti pendapatan atau prestasi kumpulan sasaran termasuk firma mikro, kecil dan sederhana (Mahmood & Mohamad (2013); Fauster, 2015; Garg & Phaahla, 2018; Kijkasiwat & Phuensane, 2020; Saad & Duasa, 2011; dan Kibet et al., 2015). Manakala sebahagian daripada kajian lepas seperti Nothando (2014) dan Tammili et al. (2017) merumuskan bahawa pembiayaan mikro tidak memberikan kesan positif terhadap prestasi firma PKS. Kajian yang dijalankan oleh Rahaman (2010) mendapati kekangan kewangan adalah signifikan dalam mempengaruhi pertumbuhan firma yang bergantung kepada prasarana sistem kewangan. Kekurangan kewangan dalaman firma akan menyebabkan firma perlu beralih kepada kewangan luaran seperti pembiayaan atau pinjaman kewangan daripada institusi kewangan sebagai sumber utama kewangan bagi meningkatkan pertumbuhan firma. Kajian beliau jelas menunjukkan

bahawa kewangan daripada sumber luaran mampu memberikan kesan yang positif ke atas pertumbuhan sesuatu firma. Akan tetapi, menurut Makore (2014), kewangan luaran menjadi penting kepada firma PKS hanya apabila sumber kewangan dalaman tidak mencukupi untuk aktiviti ekonomi.

Seterusnya, Aziz et al. (2021) mendapati prestasi PKS di Johor Bahru sentiasa dipengaruhi pembiayaan mikro. Penemuan yang sama turut digariskan oleh Zainuddin et al. (2020) dalam kajiannya terhadap PKS di Selangor. Mahmood dan Mohamad (2011) seterusnya telah mendedahkan pembiayaan mikro telah meningkatkan prestasi usahawan TEKUN dan AIM kajiannya. Kesan positif pembiayaan mikro terhadap prestasi firma juga disokong oleh kajian Hassan dan Ibrahim (2015) ke atas usahawan yang menyertai pelbagai program pembiayaan mikro di Pulau Pinang. Kajian lepas ini merumuskan bahawa pembiayaan mikro telah memberikan impak positif kepada usahawan dan perniagaan mikro, di samping berupaya memenuhi keperluan asas usahawan dan membantu meningkatkan taraf hidup usahawan. Tambahan pula, Franca (2013) dalam kajiannya terhadap perusahaan kecil di Anambra State turut mendedahkan bahawa pembiayaan kewangan telah menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana sehingga 18 peratus, meningkatkan kadar kelangsungan perusahaan sedia ada sehingga 22.38 peratus serta peningkatan pertumbuhan perusahaan sehingga 16.69 peratus.

Apriani et al. (2021) dalam kajiannya terhadap 250 PKS di Indonesia mendapati pembiayaan mikro telah membantu memperluaskan operasi dan meningkat pendapatan mereka. Kajian yang dijalankan oleh Tijjani et al. (2020) pula menunjukkan pembiayaan mikro dapat membantu PKS di Nigeria untuk mengatasi masalah kekurangan kewangan dan meningkatkan kemampuan mereka dalam memperluaskan pasaran dan jualan. Kajian lain oleh Arsyad et al. (2020) turut mendedahkan pembiayaan mikro secara positif dan signifikan mempengaruhi pertumbuhan jualan, keuntungan dan jumlah pekerja PKS kajiannya di Indonesia. Machingambi (2014) dalam kajiannya turut mendedahkan bahawa pembiayaan mikro telah meningkatkan prestasi, kualiti dan kuantiti produk, jumlah cawangan, memperkasakan latihan, aliran tunai dan perkongsian pasaran bagi 105 perusahaan mikro kajiannya

di Zimbabwe. Begitu juga penemuan yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan oleh Naeem et al. (2015) ke atas 60 perusahaan mikro di Quetta, Pakistan yang mendapati pembiayaan kewangan telah memberikan pengaruh positif ke atas peningkatan jualan, pendapatan bersih, modal kerja dan nilai aset tetap perusahaan mikro di Quetta, Pakistan. Fauster (2015) dalam kajiannya ke atas PKS yang menerima pembiayaan mikro di bawah Sinapi Aba Trust (SAT) and Maata-N-Tudu Associations (MTA di Wa Municipality, Ghana) menunjukkan purata jualan tahunan PKS terbabit meningkat sehingga 46 peratus bagi tempoh tiga tahun kesan daripada penerimaan pembiayaan berkenaan. Secara perbandingannya, kadar pertumbuhan purata jualan bagi PKS yang tidak mendapat pembiayaan kewangan mikro pula hanya pada kadar 13 peratus bagi tempoh yang sama. Hasil kajian ini jelas menunjukkan pembiayaan mikro memberikan pengaruh yang positif ke atas prestasi PKS dengan meningkatkan nilai jualan tahunan.

Di sebalik penemuan positif kesan pembiayaan kewangan dan mikro terhadap prestasi firma PKS, beberapa kajian telah mendedahkan gambaran yang sebaliknya berhubung pengaruh pembiayaan mikro terhadap pencapaian firma. Razali et al. (2021) dalam kajiannya menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara pembiayaan mikro dengan prestasi PKS di Malaysia. Penemuan yang sama dihasilkan daripada kajian yang dijalankan oleh Alwi et al. (2019) terhadap 142 PKS di Malaysia. Tammili et al. (2017), dalam kajiannya ke atas usahawan-usahawan dalam kalangan sahabat AIM di Selangor mendedahkan pembiayaan mikro tidak mempengaruhi prestasi usahawan berkenaan. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Muhammad dan Abu (2016) ke atas usahawan MARA di Daerah Melaka Tengah, di mana hasil kajian menunjukkan faktor modal atau pembiayaan kewangan yang diperoleh usahawan tidak mempengaruhi prestasi atau kejayaan perusahaan berkenaan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan aspek pembiayaan kewangan adalah tidak signifikan kepada peningkatan prestasi usahawan MARA. Tambahan pula, Ahmad et al. (2020) dalam kajiannya terhadap 300 PKS di Malaysia memberikan rumusan bahawa pembiayaan mikro tidak signifikan terhadap prestasi malahan memberikan kesan negatif terhadap prestasi PKS kajiannya. Kajian lain oleh Mohd-Naim et al. (2021) juga menunjukkan bahawa pembiayaan mikro memberikan

kesan negatif kepada prestasi PKS di Malaysia dengan kadar faedah dan kos pengurusan merupakan antara faktor yang digariskan sebagai mempengaruhi keuntungan dan kemampuan PKS untuk menjana modal tambahan. Yusuf et al. (2014) dalam kajian ke atas 105 perusahaan mikro dan kecil di Osun State, Nigeria menunjukkan bilangan pembiaya dan jumlah pembiayaan juga memberikan kesan negatif ke atas prestasi perusahaan kajiannya. Nothando (2014) dalam kajiannya turut mendapati pembiayaan mikro tidak memberikan pengaruh yang signifikan terhadap pertumbuhan perusahaan mikro dan kecil di Bulawayo, Zimbabwe, malahan tiada perbezaan yang signifikan dalam pertumbuhan perusahaan mikro dan kecil yang menerima pembiayaan mikro, berbanding perusahaan mikro dan kecil yang tidak menerima bantuan kewangan mikro.

Sikap Usahawan

Menurut Barney (1991), faktor dalaman firma yang khusus sangat penting untuk prestasi sesebuah firma khususnya bagi firma kecil. Sikap usahawan merupakan antara faktor dalaman yang juga memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah PKS. Banyak kajian telah mencatatkan pengaruh positif sikap usahawan ke atas prestasi firma (Nybakk & Hansen, 2008; Muthalib et al., 2014). Menurut Tunggak dan Salamon (2014), sikap mempunyai kaitan dengan lokus dalaman atau ciri-ciri personaliti dalam diri usahawan yang mendorong tindakan usahawan ke atas sesuatu perkara. Manakala, Dewi dan Christian (2017) menjelaskan bahawa kejayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana memasuki pasaran moden antara lainnya bergantung kepada sikap usahawan yang mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi, kebolehan dalam menguruskan kewangan yang baik, serta mampu memperkasakan tenaga kerja yang produktif dan berkualiti.

Sikap usahawan digariskan sebagai salah satu faktor keusahawanan yang mempunyai hubungan yang signifikan kepada peningkatan prestasi sesebuah perniagaan atau perusahaan (Muthalib et al., 2014). Kajian ke atas 100 orang usahawan mikro di Kendari, Indonesia mendapati sikap usahawan turut menyumbang kepada peningkatan prestasi perusahaan mikro dalam bentuk peningkatan dalam jualan, keuntungan, modal dan bilangan pekerja, selain daripada faktor

motivasi, personaliti usahawan dan persaingan dalam keusahawanan. Ekoran daripada itu, satu kajian ke atas 113 orang usahawan PKS di Malaysia bagi melihat hubungan sikap usahawan dengan prestasi perusahaan menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara sikap usahawan dengan prestasi. Kajian ini menggariskan empat pengukuran sikap dan aspek inovasi dilihat lebih memberikan impak yang besar ke atas prestasi perusahaan berbanding aspek pencapaian, kawalan diri dan penghargaan (Choe et al., 2013). Muhammad dan Abu (2016) dalam kajiannya ke atas 103 orang usahawan PKS MARA di Melaka Tengah mendapati sikap usahawan dilihat sebagai faktor utama yang menyumbang kepada prestasi dan kejayaan usahawan. Manakala, hasil kajian Sabri et al. (2016) mendapati sikap usahawan memberikan sumbangan terbesar kepada kejayaan usahawan TEKUN di Sabak Bernam.

Pengaruh sikap usahawan ke atas peningkatan prestasi usahawan juga dapat dijelaskan melalui kajian yang dijalankan oleh Kamaluddin et al. (2020) ke atas 200 PKS di Malaysia bagi meneliti hubungan antara sikap usahawan dengan prestasi PKS. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap usahawan mempunyai impak positif terhadap prestasi PKS termasuk peningkatan pendapatan dan keuntungan. Pengaruh positif sikap usahawan turut digariskan dalam kajian oleh Yusoff et al. (2020) terhadap 300 PKS di Malaysia dan juga kajian oleh Shukri et al. (2019) ke atas 200 orang usahawan PKS di Malaysia. Shariff dan Samsudin (2008) ke atas 190 orang usahawan bimbingan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan 190 orang usahawan tanpa bimbingan MADA. Hasil ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan usahawan ini daripada aspek penghargaan diri, kawalan personal, inovasi dan keperluan kepada pencapaian. Gebremaskel (2009) telah menjalankan kajian bagi mengkaji hubungan antara sikap keusahawanan dalam kalangan pemilik perniagaan dengan kejayaan perniagaan farmasi. Dalam kajian tersebut memberi tumpuan kepada aspek sikap pencapaian dan inovasi. Hasil kajiannya menunjukkan sikap keusahawanan mempunyai hubungan yang positif terhadap kejayaan perniagaan farmasi.

Walaupun banyak kajian menjelaskan tentang pengaruh positif sikap usahawan terhadap prestasi firma PKS, namun menurut Dewi dan

Christian (2017), terdapat dua perbincangan yang berbeza berkaitan hubungan antara sikap usahawan dengan prestasi firma. Sudut pertama melihat hubungan yang signifikan positif antara sikap dan prestasi seperti digariskan oleh Pulka (2018), manakala terdapat kajian empirikal seperti Alhnaity (2018) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara sikap usahawan dan prestasi perniagaan.

Berdasarkan sorotan kajian di atas, hasil kajian memberikan penemuan yang pelbagai berhubung dengan pengaruh aspek pembiayaan kewangan dan sikap usahawan terhadap prestasi firma. Bagi menjelaskan sejauh manakah faktor ini mempengaruhi prestasi perusahaan mikro Bumiputera di Pulau Pinang, kajian ini dijalankan berlandaskan Teori Pandangan Berasaskan Sumber (*Resources Based View Theory*).

Teori Pandangan Berasaskan Sumber

Teori Resource-Based View Theory (RBV) merupakan satu kerangka teori yang biasa digunakan oleh sebahagian pengkaji untuk meneliti pengaruh faktor yang mempengaruhi pencapaian perusahaan PKS (Ali et al., 2014; Rahman & Ramli, 2014; dan Wiklund et al., 2009). Teori ini menyatakan bahawa sumber dalaman firma dan kemampuan firma akan melahirkan kelebihan perbandingan atau daya saing firma (Barney, 2001). Dalam hal ini, firma akan menggunakan segala sumber yang ada dalam kawalannya, seperti pengetahuan, kemahiran, aset, teknologi, informasi, proses, sistem, kewangan dan sebagainya untuk merangka dan melaksanakan strategi serta menjalankan operasi dengan lebih cekap dan berkesan bagi meningkatkan daya saing dengan firma lain (Barney, 2001). Menurut Barney (2001), sikap keusahawanan yang dimiliki oleh seseorang usahawan dalam menguruskan perusahaan merupakan sebahagian daripada sumber dalaman firma.

Dengan merujuk kepada ulasan teori RBV ini, sebahagian pengkaji memutuskan sebahagian sumber luaran boleh dipertimbangkan sebagai sumber dalaman firma, berdasarkan kepada kemampuan firma melabur dalam kebolehan dalaman firma yang boleh memberikan kelebihan daya saing kepada firma (Mweru & Muya, 2015). Malah, Mweru dan Muya (2015) menegaskan bahawa firma disarankan untuk mencari sumber luaran yang mempunyai lebih nilai dan sukar


ditemui, dan membangunkannya bagi mengatasi kelemahan yang wujud dalam firma berdasarkan kebolehan firma. Bersandarkan kepada pernyataan ini, sumber kewangan daripada pembiayaan mikro adalah dipertimbangkan sebagai sumber asas kepada firma yang bernilai, sukar diperoleh, tidak boleh ditiru, tidak boleh diganti, dan boleh memberikan kelebihan daya saing kepada firma perusahaan mikro. Dengan itu, salah satu tujuan kajian ini adalah untuk membawa peranan mekanisme kewangan daripada sumber pembiayaan mikro sebagai sumber pelaburan firma untuk membangunkan perusahaan mikro.

Sebahagian pengkaji telah memanfaatkan teori ini bagi melaporkan kecekapan firma menggunakan sumber dalaman, dengan melihat konteks hubungan antara sumber sedia ada dengan pencapaian firma. Pelbagai model kajian yang menjelaskan hubungan antara pelbagai bentuk sumber dalaman dengan pencapaian firma melalui penggunaan teori RBV ini boleh ditemui dalam kajian seperti yang telah dijalankan oleh Mahmood dan Mohamad (2013), dan Wiklund et al. (2009). Dalam hubungannya dengan kajian ini, teori RBV ini dapat membantu menerangkan peranan kewangan yang dimiliki oleh firma perusahaan mikro melalui pembiayaan mikro dan sikap usahawan, sebagai sebahagian daripada sumber firma terhadap kejayaan dan pencapaian perusahaan mikro.

Satu kerangka konseptual kajian telah dibentuk bagi menerangkan hubungan antara pembiayaan mikro dan sikap usahawan berlandaskan Teori Pandangan Berasaskan Sumber (RBV) seperti dinyatakan dalam Rajah 1.

Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian



METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini dalam usaha untuk mencapai objektif kajian, iaitu untuk melihat pengaruh pembiayaan mikro dan sikap usahawan Bumiputera ke atas prestasi perusahaan mikro.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan data primer dan data sekunder. Data kajian dikumpulkan menggunakan kaedah borang soal selidik dan dianalisis menggunakan analisis regresi berbilang. Sampel kajian ini terdiri daripada 350 orang usahawan Bumiputera yang menjalankan perusahaan atau perniagaan bersaiz mikro di Pulau Pinang, dan menerima pembiayaan kewangan di bawah skim pembiayaan mikro daripada agensi dan institusi kewangan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015. Akan tetapi, senarai usahawan Bumiputera yang lengkap tidak dapat diperoleh daripada agensi pembiaya dan institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan mikro seperti TEKUN, AIM, CGC, FAMA, Bank Rakyat, Agro Bank dan sebagainya. Justeru, kaedah pensampelan tidak berkebarangkalian, iaitu pensampelan bola salji telah digunakan untuk memperoleh sampel kajian.

Seperkara lagi, kajian ini terpaksa merujuk kepada senarai usahawan, peniaga kecil dan penjaja Bumiputera yang berdaftar di Pulau Pinang sama ada menerima pembiayaan mikro ataupun tidak sebagai populasi kajian yang melibatkan sejumlah 4306 orang usahawan (Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2021). Berdasarkan jadual saiz sampel yang dicadangkan oleh Sekaran dan Bougie (2018), jumlah sampel yang sesuai dengan bilangan populasi tersebut adalah sekitar 350 orang usahawan. Tambahan pula, saiz sampel kajian ini juga selari dengan kajian pembiayaan mikro yang lepas di Pulau Pinang (Hassan & Ibrahim, 2015). Selain itu, Kajian ini mengambil kira empat pemboleh ubah bebas iaitu jumlah modal, bilangan pekerja, jumlah pembiayaan mikro dan sikap usahawan, dengan satu pemboleh ubah bersandar iaitu purata jualan tahunan perusahaan mikro yang digariskan sebagai prestasi perusahaan mikro.

Pengukuran Pemboleh Ubah Kajian

Instrumen kajian ini dibangunkan berasaskan kepada pengukuran terhadap pemboleh ubah kajian yang dikenal pasti daripada kajian lalu

berkaitan dengan bilangan pekerja, modal permulaan, pembiayaan kewangan, sikap usahawan dan prestasi firma serta PKS. Pemboleh ubah sikap usahawan dibentuk daripada komponen sikap yang terdiri daripada pencapaian, inovasi, penghargaan diri, dan kawalan diri. Setiap komponen berkenaan diukur menggunakan skala Likert 10 adalah berpandukan kepada kajian Robinson et al. (1991).

Jadual 1

Ringkasan Pengukuran Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh ubah Kajian	Pengukuran	Rujukan Kajian
<i>Pemboleh ubah bersandar:</i>		
Prestasi Perusahaan Mikro (PRES)	Purata jualan tahunan (log) bagi tempoh 2011-2015	Yazdanfar (2012); Essel et al. (2019)
<i>Pemboleh ubah bebas:</i>		
Bilangan Pekerja (L)	Purata bilangan pekerja (log) bagi tempoh 2011-2015	Wang (2013); Tammili et al. (2017)
Modal Permulaan (MM)	Nilai modal permulaan (log) dalam RM	Fatoki (2011); Obiria dan Maina (2020)
Pembiayaan Mikro (JP)	Jumlah pinjaman mikro (log) bagi tempoh 2011-2015	Wiklund et al. (2009)
<i>Sikap Usahawan:</i>		
Sikap Keseluruhan (SK)	Skala likert, 1 – 10	Robinson et al. (1991)
Pencapaian (PC)	Skala likert, 1 – 10	Robinson et al. (1991)
Inovasi (INV)	Skala likert, 1 – 10	Robinson et al. (1991)
Penghargaan Diri (PH)	Skala likert, 1 – 10	Robinson et al. (1991)
Kawalan Diri (KD)	Skala likert, 1 – 10	Robinson et al. (1991)

Nota: Skala likert 1 (Sangat tidak bersetuju) – 10 (Sangat setuju)

Kaedah Analisis Data Kajian

Analisis regresi berbilang digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara pembiayaan mikro dan sikap usahawan dengan prestasi perusahaan mikro. Dalam menjelaskan wujud atau tidak hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah ini, Kimosop et al. (2016) telah menggariskan tiga jenis model utama kajian yang diperlukan dalam analisis regresi yang dijalankan. Pertama, model asas kajian iaitu model yang menerangkan hubungan antara pemboleh ubah kawalan dengan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, bilangan pekerja

dan modal permulaan perniagaan diletakkan sebagai pemboleh ubah kawalan. Justeru, model asas kajian adalah seperti persamaan (1):

$$\ln \text{PRES}_i = \beta_0 + \beta_1 \ln \text{BP}_i + \beta_2 \ln \text{MM}_i + \varepsilon_i \quad (1)$$

di mana $\ln$ merupakan logaritma semula jadi, PRES merujuk kepada prestasi perusahaan mikro, BP ialah bilangan pekerja, dan MM ialah modal permulaan perniagaan. Seterusnya, model kedua kajian melibatkan pemboleh ubah pembiayaan mikro (JP) yang ditambah dalam model asas kajian, dan persamaan penganggaran berkenaan adalah seperti ditunjukkan di bawah:

$$\ln \text{PRES}_i = \beta_0 + \beta_1 \ln \text{BP}_i + \beta_2 \ln \text{MM}_i + \beta_3 \ln \text{JP}_i + \varepsilon_i \quad (2)$$

di mana $\ln$ merupakan logaritma semula jadi, PRES merujuk kepada prestasi perusahaan mikro, BP ialah bilangan pekerja, MM adalah modal permulaan perniagaan, dan JP ialah jumlah pembiayaan mikro.

Selain itu, model ketiga merupakan persamaan penganggaran yang melibatkan pemboleh ubah sikap usahawan yang dilengkapkan ke dalam model pembiayaan mikro (persamaan 2) menjadikan model penganggaran ketiga ini seperti di bawah;

$$\ln \text{PRES}_i = \beta_0 + \beta_1 \ln \text{BP}_i + \beta_2 \ln \text{MM}_i + \beta_3 \ln \text{JP}_i + \delta_i Z_i + \varepsilon_i \quad (3)$$

di mana $\ln$ merupakan logaritma semula jadi, PRES merujuk kepada prestasi perusahaan mikro, BP ialah bilangan pekerja, MM ialah modal permulaan perniagaan, JP ialah jumlah pembiayaan, dan Z merujuk kepada faktor sikap usahawan (SK ialah keseluruhan sikap; PH ialah penghargaan; INV adalah inovasi; PC ialah pencapaian; dan KW ialah kawalan diri).

Seperti dijelaskan oleh Andersson et al. (2014), hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar, boleh dipengaruhi oleh pemboleh ubah yang lain. Secara khususnya, kesan pengaruh pemboleh ubah ini dikenali sebagai kesan penyederhanaan. Menurut Andersson et al. (2014), dua hipotesis dapat diwujudkan daripada hubungan ini iaitu; (a) kesan langsung pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bebas, (b) kesan tidak langsung atau kesan penyederhanaan yang meramalkan pengaruh pemboleh ubah lain

terhadap hubungan antara pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Dalam hal ini, analisis regresi berbilang ini turut dijalankan bagi melihat pengaruh sikap usahawan sebagai pemboleh ubah penyederhanaan terhadap hubungan antara pembiayaan mikro dengan prestasi perusahaan mikro.

Bagi menguji pengaruh pemboleh ubah sikap usahawan dan kesan interaksinya ke atas hubungan antara pembiayaan mikro dengan prestasi perusahaan mikro, bentuk persamaan bagi meramal hubungan berkenaan adalah seperti di bawah:

$$\ln \text{PRES}_i = \beta_0 + \beta_1 \ln \text{BP}_i + \beta_2 \ln \text{MM}_i + \beta_3 \ln \text{JP}_i + \beta_4 \ln \text{Z}_i + \theta_i (\ln \text{JP}_i \times \text{Z}_i) + \varepsilon_i \quad (4)$$

di mana $\ln$ merupakan logaritma semula jadi, PRES merujuk kepada prestasi perusahaan mikro, BP ialah bilangan pekerja, MM ialah modal permulaan, JP ialah jumlah pembiayaan mikro, manakala Z merujuk kepada faktor sikap usahawan (SK ialah keseluruhan sikap; PH ialah penghargaan; INV ialah inovasi; PC ialah pencapaian; dan KW ialah kawalan diri).

DAPATAN KAJIAN

Analisis regresi dijalankan bagi mengkaji kesan (hubungan) langsung dan tidak langsung pembiayaan mikro dan sikap usahawan terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera di Pulau Pinang.

Hubungan Langsung Pemboleh Ubah Kajian

Merujuk kepada hasil kajian di Jadual 2, Model 1 menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah kawalan adalah signifikan. Bilangan pekerja didapati signifikan pada aras keertian 5 peratus, manakala modal permulaan pula signifikan pada aras keertian 1 peratus. Hasil daripada analisis regresi yang dijalankan ke atas Model 2 seterusnya mendapati penambahan pemboleh ubah pembiayaan mikro dalam model asas kajian memberikan pengaruh positif, dan kesannya terhadap prestasi perusahaan mikro adalah lebih ketara berbanding dengan bilangan pekerja dan modal permulaan perniagaan. Nilai bagi model ini melaporkan bahawa bilangan pekerja, modal permulaan dan pembiayaan mikro berupaya menyumbang 56 peratus perubahan dalam prestasi perusahaan mikro Bumiputera.

Jadual 2

Keputusan Kesan Langsung terhadap Prestasi Perusahaan Mikro

Pemboleh ubah	Model 1	Model 2	Model 3	Model 4	Model 5	Model 6	Model 7
Pintasan	9.619*** (0.000)	8.305*** (0.000)	6.234*** (0.000)	8.400*** (0.000)	7.719*** (0.000)	7.506*** (0.000)	7.139*** (0.000)
Pekerja, PK	0.073** (0.017)	0.035 (0.296)	0.037 (0.254)	0.037 (0.206)	0.036 (0.196)	0.050 (0.077)	0.029 (0.384)
Modal, MM	0.059*** (0.000)	0.015 (0.340)	0.012 (0.443)	0.014 (0.327)	0.010 (0.488)	0.011 (0.412)	0.014 (0.356)
Pembiayaan Mikro, JP		0.192*** (0.000)	0.186*** (0.000)	0.193*** (0.000)	0.188*** (0.000)	0.191*** (0.000)	0.189*** (0.000)
Sikap Usahawan:							
Jumlah Sikap, SK			1.127*** (0.000)				
Penghargaan, PH				-0.055 (0.544)			
Inovasi, INV					0.364*** (0.002)		

(continued)

Pembolehan	Model 1	Model 2	Model 3	Model 4	Model 5	Model 6	Model 7
Pencapaian, PC						0.416*** (0.004)	
Kawalan Diri, KD							0.584*** (0.000)
Ujian Diagnostik							
F-statistik	43.883*** 0.338 3.707 2.937 11.540** 1.153	56.048*** 0.450 0.305 1.962 7.263 0.412	53.463*** 0.484 2.261 1.650 9.236 0.020	46.661*** 0.450 0.356 2.156 12.111* 0.293	50.510*** 0.470 0.214 1.382 19.402** 0.287	48.774*** 0.461 0.405 1.417 19.321** 0.020	54.432*** 0.470 2.871 1.972 6.880 0.067

Nota: Tanda ***, ** dan * masing-masing menunjukkan signifikan pada paras ke erian 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. Nilai dalam kurungan (.) menunjukkan nilai-p yang telah diperbaiki dengan menggunakan ralat piawai terselaras (robust standard errors) Newey-West.

Ekoran daripada penemuan kajian ini, pemboleh ubah pembiayaan mikro boleh dilihat sebagai faktor utama dalam mempengaruhi prestasi perusahaan mikro. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa dengan tambahan sumber kewangan melalui penerimaan pembiayaan mikro kepada usahawan mikro memberi kesan yang besar ke atas pertumbuhan perusahaan dan prestasi perusahaan mikro, khususnya usahawan mikro Bumiputera di Pulau Pinang.

Di samping faktor pembiayaan mikro, kajian ini selanjutnya meneliti pengaruh sikap usahawan ke atas prestasi perusahaan mikro Bumiputera di Pulau Pinang. Bermula dengan faktor sikap secara keseluruhannya, hasil analisis yang dilaporkan dalam Model 3 di Jadual 2 mendapati faktor keseluruhan sikap adalah positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus dengan nilai pekali 1.127. Dapatan ini jelas menggambarkan di samping pembiayaan mikro, faktor sikap ini turut berperanan dalam membantu meningkatkan lagi prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Ini kerana sikap merupakan salah satu faktor dalaman yang dapat mempengaruhi gelagat seseorang usahawan.

Justeru, dapatan kajian ini jelas menunjukkan kedua-dua faktor ini berperanan penting dalam menjayakan sesebuah perusahaan mikro. Namun, impaknya kajian ini mendapati faktor sikap usahawan adalah lebih berpengaruh terhadap prestasi perusahaan mikro berbanding dengan faktor pembiayaan mikro. Khususnya, 1 peratus tambahan pembiayaan mikro hanya menyumbang kepada peningkatan prestasi perusahaan sebanyak 0.186 peratus, manakala prestasi perusahaan akan melonjak sebanyak 1.127 peratus bagi setiap 1 peratus peningkatan sikap usahawan.

Lanjutan daripada itu, kajian ini diperdalam bagi melihat kesan setiap dimensi sikap usahawan iaitu penghargaan diri, inovasi, pencapaian dan kawalan diri terhadap prestasi perusahaan mikro. Analisis kajian dari Model 4 hingga Model 7 yang dilaporkan dalam Jadual 2 mendapati hanya faktor sikap inovasi, pencapaian dan kawalan diri signifikan pada aras keertian 1 peratus. Akan tetapi, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa faktor penghargaan tidak mempengaruhi prestasi perusahaan mikro kerana pemboleh ubah tersebut didapati tidak signifikan walaupun pada aras keertian 10 peratus. Antara tiga faktor sikap yang signifikan, kajian ini mendapati kawalan diri

(0.584) mempunyai pengaruh yang lebih ketara berbanding dengan sikap pencapaian diri (0.416) dan inovasi (0.364). Justeru, keputusan ini telah memberi satu petunjuk yang amat penting di mana walaupun pembiayaan mikro membantu usahawan Bumiputera, tetapi sikap usahawan yang baik seperti keupayaan mengawal diri, berinovasi serta pencapaian dirinya amat penting bagi menjurus ke arah kejayaan perusahaan mikro mereka.

Hubungan Tidak Langsung Pemboleh Ubah Sikap

Setelah melihat kesan langsung pembiayaan mikro dan sikap usahawan terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera, kajian ini dilanjutkan untuk mengkaji kemungkinan kesan tidak langsung (kesan penyederhanaan) pemboleh ubah sikap usahawan ke atas pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro.

Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil kajian bagi pemboleh ubah interaksi terhadap prestasi perusahaan mikro. Berbeza dengan kesan langsung, dapatan kajian menunjukkan hanya pemboleh ubah bebas jumlah sikap, sikap pencapaian diri, sikap kawalan diri, dan pemboleh ubah interaksi antara pembiayaan mikro dengan sikap kawalan diri signifikan pada aras keertian 5 atau 10 peratus.

Walau bagaimanapun, Wooldridge (2002) mengesahkan bahawa kesan hakiki pemboleh ubah tersebut tidak boleh ditakrifkan secara langsung kerana hubungannya adalah bergantung antara satu dengan lain. Justeru, kesahihan kesan kebergantungan harus ditentukan secara kolektif meskipun pemboleh ubah interaksi signifikan atau sebaliknya. Bagi mengetahui kesan kebergantungan pemboleh ubah ini terhadap prestasi perusahaan mikro, kajian ini diteruskan dengan analisis kesan sut melalui pembezaan separa seperti berikut:

$$\frac{\partial \ln \text{PRES}_i}{\partial \ln \text{JP}_i} = \beta_3 + \theta_1 Z_i \quad (5)$$

di mana $\ln$ merupakan logaritma semulajadi, PRES merujuk kepada prestasi perusahaan mikro, JP ialah jumlah pembiayaan, Z_i merupakan pemboleh ubah interaksi yang dimasukkan bersama pembiayaan mikro (SK adalah sikap secara keseluruhan; PH ialah penghargaan; INV ialah inovasi; PC ialah pencapaian diri; dan KD ialah kawalan diri)

Jadual 3

Keputusan Kesan Tidak Langsung Terhadap Prestasi Perusahaan Mikro

Pemboleh ubah	Model 1	Model 2	Model 3	Model 4	Model 5
Pintasan	2.377 (0.493)	7.239** (0.008)	6.881*** (0.000)	3.452 (0.195)	0.296 (0.930)
Pekerja, BP	0.035 (0.285)	0.036 (0.213)	0.035 (0.210)	0.047 (0.105)	0.037 (0.276)
Modal, MM	0.013 (0.399)	0.014 (0.305)	0.010 (0.471)	0.012 (0.398)	0.013 (0.416)
Pembiayaan Mikro, JP	0.633 (0.113)	0.322 (0.285)	0.286 (0.162)	0.650** (0.032)	0.941** (0.013)
Sikap Usahawan:					
Jumlah Sikap, SK	3.047* (0.078)				
Penghargaan, PH		0.640 (0.691)			
Inovasi, INV			0.780 (0.381)		
Pencapaian, PC				2.340* (0.064)	
Kawalan Diri, KD					3.814** (0.016)
	-0.223 (0.262)				
		-0.078 (0.663)			
			-0.048 (0.631)		
				-0.217 (0.130)	
					-0.355** (0.045)
Ujian Diagnostik					
F-statistik	46.041***	39.939***	43.246***	42.206***	43.167***
	0.486	0.451	0.470	0.464	0.431
	3.263	0.346	1.479	0.896	4.064
	1.466	2.306	1.291	0.964	1.339
	7.182	12.858*	22.820**	15.701**	4.586
	1.826	0.446	2.008	0.715	0.126

Nota: Tanda ***, ** dan * masing-masing menunjukkan signifikan pada paras keertian 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. Nilai dalam kurungan (.) menunjukkan nilai-p yang telah diperbaiki dengan menggunakan ralat piawai terselaras (robust standard errors) Newey-West.

Dengan merujuk kepada persamaan pembezaan separa di atas, adalah jelas bahawa kesan pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro adalah bergantung kepada pemboleh ubah sikap usahawan. Jika kesan sut ini adalah signifikan bermaksud kesan pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro adalah bergantung kepada pemboleh ubah sikap usahawan. Jadual 4 mendedahkan bahawa kesan sut pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan pada peringkat dan dimensi sikap individu usahawan yang berbeza. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati setiap pemboleh ubah sikap telah mempengaruhi hubungan antara pembiayaan mikro dengan prestasi perusahaan mikro pada setiap tahap kecenderungan sikap, iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Walau bagaimanapun, prestasi perusahaan mikro diramalkan lebih baik pada tahap kecenderungan sikap usahawan rendah. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pemberian pembiayaan kewangan kepada golongan usahawan mikro yang mempunyai tahap kecenderungan sikap yang rendah akan lebih menyumbang kepada perkembangan dan peningkatan dalam pencapaian perusahaan mikro.

Jadual 4

Kesan Sut terhadap Prestasi Perusahaan Mikro Bumiputera

Kesan Sut :	SK	PH	INV	PC	KD
Sikap Usahawan – Rendah	0.266*** (0.000)	0.251* (0.072)	0.228** (0.008)	0.305*** (0.000)	0.401*** (0.000)
Sikap Usahawan – Sederhana	0.185*** (0.000)	0.193*** (0.000)	0.187*** (0.000)	0.192*** (0.000)	0.179*** (0.000)
Sikap Usahawan – Tinggi	0.134** (0.004)	0.156* (0.065)	0.174*** (0.000)	0.149*** (0.000)	0.123*** (0.001)

Nota: Tanda ***, ** dan * masing-masing menunjukkan signifikan pada paras keertian 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. Nilai dalam kurungan (.) menunjukkan nilai-p.

Pemboleh ubah kawalan diri dilihat turut memberikan kesan yang lebih memberangsangkan terhadap prestasi perusahaan mikro pada tahap kecenderungan sikap kawalan diri yang rendah berbanding dimensi sikap yang lain. Akan tetapi, kajian mendapati kesan sut pembiayaan terhadap prestasi perusahaan bagi sikap penghargaan diri dan pencapaian diri adalah lebih baik pada peringkat sederhana berbanding dengan dimensi sikap yang lain. Selain itu, kajian

mendapati sikap inovasi usahawan yang tinggi memainkan peranan yang amat penting dalam memberangsangkan kesan pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan Bumiputera. Ini kerana kesan sut pembiayaan mikro dilihat lebih ketara ketika faktor sikap inovasi berada pada peringkat tinggi berbanding dengan faktor sikap yang lain. Justeru, keputusan kajian ini mengesahkan bahawa pengaruh pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro adalah sangat bergantung kepada sikap usahawan Bumiputera.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Penemuan daripada analisis regresi yang dijalankan mendapati pembiayaan mikro dan sikap usahawan secara keseluruhannya mempunyai pengaruh positif terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Penemuan kajian ini menyokong beberapa dapatan kajian lepas yang menegaskan kepentingan pembiayaan mikro terhadap pertumbuhan dan kejayaan sesebuah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (Wanambisi & Bwisa, 2013; Mahmood & Hanafi, 2013; Ombongi & Long, 2018). Tambahan pula, hasil kajian ini juga selari dengan dapatan kajian di Malaysia yang lain seperti kajian Tan et al. (2016) di Lembah Kelang yang menunjukkan perolehan perusahaan berhubungan positif dengan jumlah pembiayaan kewangan yang diterima sama ada daripada pihak kerajaan atau pun institusi pembiayaan mikro. Sehubungan itu, Terano et al. (2015) turut mendedahkan pendapatan usahawan mikro di Kuala Selangor, Hulu Langat dan Gombak telah meningkat selepas menyertai program pembiayaan mikro di bawah kendalian AIM.

Semua komponen sikap usahawan, kecuali komponen penghargaan diri turut menghasilkan hubungan langsung positif yang signifikan terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Penemuan ini mendedahkan bahawa pemboleh ubah sikap usahawan ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi perusahaan mikro, malahan pengaruh sikap usahawan secara keseluruhannya memberi kesan yang lebih kuat berbanding pembiayaan mikro. Penemuan ini dilihat sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Maikasuwa et al. (2020) yang mendapati sikap usahawan lebih kuat mempengaruhi prestasi perusahaan mikro dan kecil di Nigeria berbanding pembiayaan mikro. Penemuan ini juga selari dengan

kajian Muthalib et al. (2014) di Daerah Sulawesi Selatan, Muhammad dan Abu (2016) di Daerah Melaka Tengah yang menggariskan bahawa sikap merupakan faktor yang memberikan kesan atau pengaruh yang signifikan ke atas kejayaan usahawan berkenaan

Kajian mendapati wujud kesan positif pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera pada ketiga-tiga tahap kecenderungan sikap iaitu rendah, sederhana dan tinggi dalam aspek hubungan tidak langsung. Hasil kajian ini jelas menggambarkan bahawa sikap usahawan berperanan dalam mendorong pengaruh pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Hasil kajian ini selari dengan beberapa kajian yang dijalankan oleh Nurlaeli dan Hadiwidjojo (2021); Tsegaye et al. (2020); dan Doherty dan Bliss (2020) yang menunjukkan sikap usahawan memainkan peranan penting dalam memperkuat hubungan antara pembiayaan mikro dengan prestasi perusahaan mikro. Kajian ini mendapati kesan positif pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera adalah lebih ketara, terutamanya bagi usahawan yang mempunyai sikap kawalan diri yang rendah. Menurut van Wyk et al. (2003), sikap kawalan diri menekankan persepsi individu dalam mengawal dan mempengaruhi sesebuah perniagaan. Justeru, penemuan kajian ini mungkin memberikan gambaran bahawa usahawan yang memiliki tahap kecenderungan sikap kawalan diri yang tinggi mungkin cenderung untuk terlalu mengawal penggunaan pembiayaan mikro sehingga gagal merancang dan menguruskan kewangan dengan cara yang betul untuk memperkembangkan lagi perusahaan mikro.

Selain itu, penemuan kajian ini mempunyai implikasi terhadap pengukuhan teori dan penambahbaikan kerangka teori (konseptual). Dapatan kajian ini adalah seiring dengan saranan teori RBV yang menjelaskan peranan faktor dalaman firma dalam membantu membangunkan prestasi sesebuah firma. Mengikut teori ini, sikap usahawan boleh dilihat sebagai sumber dalaman firma yang berpotensi untuk memberikan impak positif terhadap pertumbuhan firma (Barney et al., 2001; Mahmood dan Mohamad, 2013; Adomako et al., 2016). Justeru, kajian ini membuktikan bahawa sikap usahawan mempengaruhi prestasi perusahaan mikro Bumiputera, memperkukuh lagi pandangan teori RBV bahawa sumber dalaman adalah penting dalam menentukan pertumbuhan sesebuah perniagaan mahupun perusahaan mikro. Seperkara lagi, dapatan kajian mengenai hubungan

tidak langsung faktor sikap usahawan terhadap prestasi perusahaan mikro turut memberi implikasi terhadap teori RBV, khususnya dalam menambah baik pembentukan kerangka teori. Ini bermakna walaupun sumber dalaman sepertimana yang diketengahkan oleh teori RBV adalah penting, tetapi sumber ini adalah bergantung antara satu sama lain bagi merealisasikan pencapaian sesebuah perniagaan.

Di samping implikasi teoretikal, dapatan kajian juga mempunyai beberapa implikasi terhadap pihak penggubal dasar, agensi, dan institusi kewangan. Memandangkan keputusan kajian ini mendapati aspek kewangan memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan prestasi perusahaan mikro Bumiputera, program pembiayaan mikro harus dikaji semula dan ditambahbaikkan dengan menyediakan pembiayaan yang lebih mudah diakses, kadar faedah yang lebih rendah dan syarat yang lebih fleksibel bagi usahawan yang ingin memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka. Selain bantuan kewangan, pihak kerajaan melalui agensi dan institusi kewangan boleh menyediakan bantuan bukan kewangan bagi memenuhi keperluan usahawan dengan mudah seperti skim sewa beli mesin dan alatan serta aset-aset perniagaan. Agensi pilihan di Pulau Pinang seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dan Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) harus mengambil Bahagian dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan tersebut.

Selain pembiayaan mikro, kajian ini turut mendapati bahawa sikap usahawan juga berperanan penting dalam mempengaruhi prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Dalam hal ini, pihak kerajaan dan penggubal dasar disarankan agar dapat memperbanyak skop keusahawanan dalam program keusahawanan yang dijalankan untuk membantu meningkatkan nilai, sikap, serta kemahiran keusahawanan dalam kalangan usahawan mikro Bumiputera. Tambahan pula, usaha perlu diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan hanya usahawan yang berpotensi, memiliki sikap keusahawanan yang positif, proaktif dan berkemahiran dalam menguruskan kewangan diberi keutamaan untuk disalurkan pembiayaan. Oleh hal yang demikian, proses penilaian tahap kecenderungan sikap keusahawanan sepertimana yang dicadangkan dalam Robinson et al. (1991) harus dijalankan terhadap setiap pemohon pembiayaan mikro bagi membolehkan perusahaan mikro Bumiputera berkembang dengan baik.

KESIMPULAN, LIMITASI, DAN CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN

Setelah meneliti keputusan kajian yang dibentangkan di atas, kajian ini boleh mengesahkan bahawa faktor utama yang dikaji seperti pembiayaan mikro dan sikap usahawan adalah amat penting dalam menentukan prestasi sesebuah perusahaan mikro Bumiputera di Pulau Pinang. Tambahan pula, kajian mendapati sikap usahawan merupakan pemboleh ubah penyederhanaan dalam memberangsangkan kesan pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Justeru, sikap usahawan bukan sahaja mempengaruhi prestasi perusahaan, malah sikap juga memainkan peranan yang amat penting dalam memberangsangkan kesan atau pengaruh pembiayaan mikro terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, terdapat batasan kajian telah dikenal pasti. Pertama, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pengaruh pemboleh ubah pembiayaan mikro and sikap usahawan, tetapi mengabaikan faktor lain seperti strategi pemasaran, aplikasi teknologi pesanan, dan persekitaran perniagaan terhadap prestasi perusahaan mikro Bumiputera. Kedua, responden kajian hanya terhad kepada usahawan Bumiputera mikro di Pulau Pinang. Justeru, penemuan kajian ini tidak dapat memberi gambaran keseluruhan keadaan perusahaan kecil dan gelagat usahawan kaum yang lain di Malaysia. Ketiga, agensi pinjaman mikro tidak dapat membekalkan senarai penuh usahawan Bumiputera di Pulau Pinang yang menerima pembiayaan mikro atas sebab kerahsiaan. Lantaran itu, kaedah pensampelan bukan kebarangkalian seperti pensampelan bebola salji dan pensampelan secara kebetulan terpaksa diguna pakai dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian masa depan mungkin boleh diperluas dengan mengambil kira pemboleh ubah yang masih belum diguna pakai dalam kajian ini. Tambahan pula, kajian masa depan juga boleh memperluas kawasan pensampelan ke seluruh pelosok Malaysia agar meningkatkan saiz sampelnya dan menyampaikan penemuan kajian yang lebih menyeluruh.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penilai-penilai dan editor atas komen-komen yang penting dan berguna bagi menambahbaik penulisan dan kajian ini.

RUJUKAN

- ADB. (2018). *Strategi 2030: Mencapai Asia dan Pasifik yang makmur, inklusif, tangguh, dan berkelanjutan*. Asian Development Bank.
- Adomako, S., Danso, A., & Damoah, J. O. (2016). The moderating influence of financial literacy on the relationship between access to finance and firm growth in Ghana. *Venture Capital*, 18(1), 43-61.
- Ahmad, N. H., Azman-Saini, W. N. W., & Rashid, M. (2020). Microfinance and firm performance in Malaysia: Do organizational and environmental factors matter? *Journal of Asian Finance, Economics, and Business*, 7(7), 457-467.
- Ahmed, A. D., & Seidu, A. (2021). Effect of start-up capital on the performance of small and medium enterprises in Ghana. *Journal of Small Business Management*, 59(1), 64-80.
- Alhnaity, H. (2018, August). The influence of entrepreneurial attitude on ERAD. Small Businesses Performance as Moderating by Government Intervention. *Research Gate*. https://www.researchgate.net/publication/326834757_The_influence_of_Entrepreneurial_Attitude_on_ERAD'_Small_Businesses_Performance_as_Moderating_by_Government_Intervention
- Ali, A., Ismail, W. N. S. W., Mokhtar, M. Z., Rahman, M. S. A. (2014). Do it helps SMEs gain better performance: A conceptual analysis on RBV Theory. *International Journal of Management and Sustainability*, 3(5), 307-320.
- Ali, A. H., Abu-Hadi, O. A., & Ali, A. Y. S. (2013). The accessibility of microfinance for small business in Mogadishu, Somalia. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(11), 172-180.
- Ali, A., Zaman, K., & Khan, M. A. (2020). The impact of financial capital and human capital on SMEs' performance: Evidence from Pakistan. *International Journal of Emerging Markets*, 15(1), 196-214.
- Alwi, S. S. F., Mohd Yasin, N., & Haron, H. (2019). The impact of microcredit on performance of micro and small enterprises in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 20(3), 847-860.
- Andersson, U., Cuervo-Cazurra, A., & Nielsen, B. B. (2014). From the editors: Explaining interaction effects within and across levels of analysis. *Journal of International Business Studies*, 45(9), 1063-1071.

- Apriani, D., Daryanto, A., & Nugroho, Y. A. (2021). Microfinance and the growth of micro, small, and medium enterprises (MSMEs): Evidence from Indonesia. *Journal of Small Business and Entrepreneurship Development*, 8(1), 19-32.
- Arsyad, M., Rahayu, S., & Mas'ud, M. (2020). The effect of microfinance on the performance of small and medium enterprises in Indonesia. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 7(7), 251-258.
- Ashamu, S. O. (2014). The impact of micro-finance on small scale business in Nigeria. *Journal of Policy and Development Studies*, 9(1), 179-193.
- Aziz, M. A., Yusof, M. F. M., & Salleh, S. M. (2021). The impact of microfinance on SMEs' growth: Evidence from Johor Bahru, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(1), 380-393.
- Aziz, N. A. A., Zainuddin, Y., & Ariffin, R. Z. R. (2020). Determinants of small business performance in Malaysia: Evidence from the service sector. *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*, 16(4), 99-118.
- Barney, J. (1991). Firm resources and sustained competitive advantage. *Journal of Management*, 17(1), 99-120.
- Barney, J., Wright, M., & Ketchen, D. J. (2001). The resource-based view of the firm: Ten years after 1991. *Journal of Management*, 27(6), 625-641.
- Berita Harian (2019, Okt 5). Rapat jurang ekonomi. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/614280/rapat-jurang-ekonomi>
- Chee, P. (1986). *Small industry in Malaysia*. Berita Publishing. Kuala Lumpur.
- Chen, Y., & Chen, L. (2020). How does human capital affect SMEs' performance in the service sector? Evidence from China. *International Journal of Human Resource Management*, 31(22), 2906-2932.
- Chikoko, T., Murendo, C., & Muzindutsi, P. F. (2021). The effect of firm size on SMEs' performance in the agriculture sector on Zimbabwe. *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*, 13(2), 335-358.
- Choe, K. L., Loo, S. C. & Lau, T. C. (2013). Exploratory study on the relationship between entrepreneurial attitude and firm's performance. *Asian Social Science*, 9(4), 144-149.
- Dewi, L., & Christian, S. (2017) The effect of entrepreneurial attitude and manager's business ability on SMEs organizational

- performance. *Journal of Entrepreneur and Entrepreneurship*, 6(1), 13–16.
- Doherty, A. M., & Bliss, R. T. (2020). Microfinance and small business performance: *The role of entrepreneurial attitudes*. *Journal of Small Business Management*, 58(1), 5-25
- Ekonomi Rakyat. (2020, July 27). Jurang pendapatan Bumiputera-Cina semakin besar, boleh cetus ketegangan kaum. *Ekonomi Rakyat*. <https://ekonomirakyat.com.my/jurang-pendapatan-bumiputera-cina-semakin-besar-boleh-cetus-ketegangan-kaum>.
- Essel, B. K. C., Adams, F., & Amankwah, K. (2019). Effect of entrepreneur, firm, and institutional characteristics on small-scale firm performance in Ghana. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 9(1), 1-20.
- Fatoki, O. O. (2011). The impact of human, social and financial capital on the performance of small and medium-sized enterprises (SMEs) in South Africa. *Journal of Social Sciences*, 29(3), 193–204.
- Fauster, A. (2015). The impact of micro-finance on the performance of small-scale enterprises: A comparison of Sinapi Aba Trust and Maata-N-Tudu Associations in Wa Municipality, Ghana. *Ghana Journal of Development Studies*, 11(2), 1-13.
- Ferrari A., Jaffrin G., & Shrestha S. R. (2006). Access to financial services in Nepal. *The World Bank Finance and Private Sector Development Unit South Asia Region*. Washington, USA.
- Franca, N. C. (2013) The impact of micro credit institutions on the development of small and medium enterprises in Anambra State. *IOSR Journal of Business and Management*, 14(5), 75–81.
- Garg, A. K., & Phaahla, P. N. (2018). Factors affecting the business performance of small businesses in Sekhukhune. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 10(4), 54-67.
- Gebremeskel, T. (2009). Entrepreneurial attitude and business success. *Journal of Business and Administrative Studies*, 1(1), 70-92.
- Girma, A. T., & Degefu, M. A. (2020). Impact of start-up capital on the performance of micro and small enterprise: Evidence from Ethiopia. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 9(1), 1-17.
- Hassan, M. S., & Ibrahim, K. (2015). Sustaining small entrepreneurs through a microcredit program in Penang, Malaysia: A case

- study. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 25(3), 182–191.
- Heryadi, Y., Pambudy, R. A., & Arief, M. (2021). The effect of start-up capital and education level on the performance of micro, small, and medium-sized enterprises. *Journal of Entrepreneurship Education*, 24(1), 1-11.
- Kamaluddin, N., Yusoff, W. F. W., & Tahir, S. H. S. M. (2020). The impact of entrepreneurial attitudes on business performance of small and medium enterprises in Malaysia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 12(1), 152-167.
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2021). Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri. *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang*. [https://dun.penang.gov.my/images/hansard%202020/SOALAN%20BERTULIS%20\(BUKU%201\).pdf](https://dun.penang.gov.my/images/hansard%202020/SOALAN%20BERTULIS%20(BUKU%201).pdf)
- Kibet, K. D., Achesa, K., & Gedion, O. (2015). Effect of microfinance credit on the performance of small and medium enterprises in Uasin Gishu Country, Kenya. *International Journal of Small Business and Entrepreneurship Research*, 3(7), 57–78.
- Kijkasiwat, P., & Phuensane, P. (2020). Innovation and firm performance: The moderating and mediating roles of firm size and small and medium enterprise finance. *Journal of Risk and Financial Management*, 13(5), 1-5.
- Kimosop, J., Korir, M., & White, M. (2016). The moderating effect of demographic characteristics on the relationship between strategic capabilities and firm performance in women-owned entrepreneurial ventures in Nairobi, Kenya. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 33(3), 242–256
- Machingambi, J. (2014). Impact of microfinance on small and medium enterprises in Zimbabwe: The case for Masvingo Town. *International Journal of Management, IT and Engineering*, 4(5), 51–64.
- Mahmood, R., & Hanafi, N. (2013). Entrepreneurial orientation and business performance of women-owned small and medium enterprises in Malaysia: Competitive advantage as a mediator. *International Journal of Business and Social Science*, 4(1), 82-90.
- Mahmood, R., & Mohamad, M. R. (2013). Microcredit position in micro and small enterprise performance: The Malaysian case. *Management Research Review*, 36(5), 436-453.
- Maikasuwa, M. A., Garba, T., & Hassan, Z. I. (2020). Microfinance and the performance of micro and small enterprises in Nigeria: The moderating role of entrepreneurial attitude. *Journal of African Business*, 21(2), 218-235.

- Makorere, R. (2014). The role of microfinance in promoting small and medium enterprises (SMEs) in Tanzania: Empirical evidence from SMEs holder who have received microcredit from financial institutions in Morogoro, Tanzania. *Global Business and Economic Research Journal*, 3(4), 1–19.
- Mohd-Naim, N. F., Rahim, R. A., & Ahmad, H. (2021). Does microfinance improve the financial performance of Malaysian small and medium-sized enterprises? *International Journal of Business and Society*, 22(1), 105-116.
- Muhammad, N., & Abu, M. H. (2016). Faktor yang mendorong kejayaan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) MARA di Daerah Melaka Tengah. *Journal of Business Innovation*, 1(2), 31-44.
- Muthalib, A. A., Harafah, L., Balaka, M. Y., & Rostin (2014). Entrepreneurship and its impact on business performance improvement and poverty reduction (An empirical study micro business industrial sector in Kendari). *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 3(10), 55-65.
- Mwangi, N., Shisia, A., Mwai, L., & Okibo, W. B. (2014). Assessment of micro financial institution funding on the performance of small and medium enterprises in Murang'a Country-Kenya. *European Journal of Business and Management*, 6(25), 33–43.
- Mweru, M. C. & Muya, M. T. (2015). Features of resource based view theory: An effective strategy in outsourcing. *International Journal of Management and Commerce Innovations*, 3(2), 215–218.
- Naeem, A., Khan, S., Sheikh, S., Ali, M., & Hassan, F. S. (2015). The impact of microfinance on women micro-enterprises “A case study of district Quetta, Pakistan. *American International Journal of Social Sciences*, 4(4), 19-27.
- Nothando, T. (2014). An assessment of the contribution of microfinance loans to the growth of micro, small and medium enterprises (MSMES) in Bulawayo (2009-2013). *Global Journal of Commerce and Management Perspective*, 3(5), 214–218.
- Nurlaeli, N. R., & Hadiwidjojo, D. (2021). The role of entrepreneurial attitudes in moderating the effect of microfinance on SME performance. *Journal of Business and Retail Management Research*, 15(3), 64-75.
- Nybakk, E., & Hansen, E. (2008). Entrepreneurial attitude, innovation and performance among Norwegian nature-based tourism enterprises. *Forest Policy and Economics*, 10(7-8), 473-479.

- Obiria, L. O., & Maina, J. R. (2020). Influence of financing on performance of small and medium women owned enterprises in Kwale County, Kenya. *International Journal of Current Aspects in Finance, Banking and Accounting*, 2(2), 34-45.
- Ojelabi, R. O., Jooda, T. D., & Adeniran, J. O. (2015). Influence of microfinance bank on small and medium scale enterprises growth in Osun State, Nigeria. *International Journal in Management and Social Science*, 3(4), 447-458.
- Olowe, F. T., Moradeyo O. A., & Babalola, O. A. (2013). Empirical study of the impact of microfinance bank on small and medium growth in Nigeria. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 2(6), 116-124.
- Ombongi, P. N., & Long, W. (2018). Factors affecting financial performance of small and medium enterprises (SMEs): A case of manufacturing SMEs in Kenya. *International Journal of Research in Business Studies and Management*, 5(1), 37-45.
- Pulka, B. U. (2018). The multidimensional impact of entrepreneurial attitude orientation on firm performance: A study of micro enterprise in Maiduguri, Borno State, Nigeria. *Nigerian Journal of Accounting and Finance*, 10(1), 112-132.
- Rahaman, M. M. (2010). Access to financing and firm growth. *Journal of Banking and Finance*, 35, 1-48.
- Rahman, N. A. B., & Ramli, A. (2014). Entrepreneurship management, competitive advantage and firm performances in the craft industry: Concepts and framework. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 145(2014), 129-137.
- Razali, M. N. A., Ismail, N. A., & Samad, S. A. (2021). The relationship between microfinance and SMEs performance in Malaysia. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 28(4), 570-590.
- Robinson, P. B., Stimpson, D. V, Huefner, J. C., & Hunt, H. K. (1991). An attitude approach to the prediction of entrepreneurship. *SAGE Journals*, 15(4), 13-32.
- Saad, N. M., & Duasa, J. (2011). An economic impact assessment of a microcredit program in Malaysia: The case of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). *International Journal of Business and Society*, 12(1), 1-14.
- Sabri, S. A., Zakaria, N. A., Rosli, H. F., Suhaimi, A. F. M., & Kassim, M. A. M. (2016). Pengaruh dalaman kejayaan usahawan bumiputera di Daerah Sabak Bernam. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/3rd/e proceedings/IC-034.pdf>

- Sekaran, U., & Bougie, R. (2018). *Research Methods for business: A skill building approach* (7th ed.). John Wiley.
- Shariff, M. N. M., & Samsudin, S. (2008). Keusahawanan peladang di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA): Kajian dari sudut pendekatan sikap. *International Journal of Management Studies*, 15(1), 161-180.
- Shukri, Y. A., Habidin, N. F., Dewa, N., & Mahdzan, N. S. (2019). Entrepreneurial Attitudes, Resource Acquisition and Firm Performance of Malaysian SMEs. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(4), 596-607.
- Sinar Harian. (2014, Disember 17). Tingkat penglibatan usahawan mikro. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/tingkat-penglibatan-usahawan-mikro-1.342362>.
- Sinar Harian. (2019, Februari 14). Hanya 8 peratus sumbangan Bumiputera dalam KDNK. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/12943/berita/nasional/hanya-8-peratus-sumbangan-bumiputera-dalam-kdnk>
- SME Corporation. (2023). Profil PMKS pada Tahun 2016-2021. *SME Corp*. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/profil-dan-kepentingan-kepada-ekonomi>
- Sule, O. E. (2018). The impact of microfinance bank on small and medium scale enterprises in Nigeria development. *Scholarly Journal of Business Administration*, 7(2), 26-34.
- Tammili, F. N. M., Mohamed, Z., & Terano, R. (2017). Effectiveness of the microcredit program in enhancing micro-enterprise entrepreneurs' income in Selangor. *Asian Social Science*, 14(1), 71-78.
- Tan, P. W., Ashhari, Z. M., Faizal, D. R., & Nassir, A. M. (2016). Impact of microfinance facilities on performance of small medium enterprises in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 34(12), 1845-1849.
- Terano, R., Mohamed, Z., & Jusri, J. H. H. (2015). Effectiveness of microcredit program and determinants of income among small business entrepreneurs in Malaysia. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 5(1), 2-14.
- The Sun Daily (2021, April 12). Model baharu diperlukan untuk perkasa ekonomi bumiputera. *The Sun Daily*. <https://www.thesundaily.my/cerita/berita/model-baharu-diperlukan-perkasa-ekonomi-bumiputera-AC7730626>

- Tijjani, B. A., Idris, N. A., & Mohamamed, A. B. (2020). Microfinance and the growth of micro, small and medium enterprises (MSMEs) in Nigeria: Evidence from small-scale businesses in Bauchi state. *Journal of Accounting, Finance and Auditing Studies*, 6(3), 49-62.
- Tsegaye, A. M., Hailu, A. T., & Asmare, A. W. (2020). The role of entrepreneurial attitude as a moderator of the relationship between microfinance and small and medium enterprises' performance in Ethiopia. *Journal of Entrepreneurship and Innovation in Emerging Economies*, 6(2), 218-237.
- Tunggak, B., & Salamon, H. (2014). Perubahan sikap keusahawanan usahawan Melayu di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 98-116.
- van Wyk, R., Boshoff, A. B., & Bester, C. L. (2003). Entrepreneurial attitudes: What are their sources? *South African Journal of Economic and Management Sciences*, 6(1), 1-24.
- Wanambisi, A. N., & Bwisa, P. H. M. (2013). Effects of microfinance lending on business performance: A survey of micro and small enterprises in Kitale Municipality, Kenya. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 3(7), 56-67.
- Wang, X. (2013, May 10). The impact of microfinance on the development of small and medium enterprises: The case of Taizhou, China. *Academia*. https://www.academia.edu/27130010/The_Impact_of_Microfinance_on_the_Development_of_Small_and_Medium_Enterprises_The_Case_of_Taizhou_China
- Wang, Y., Guo, H., Wang, S., & Sun, Y. (2020). The effect of start-up capital on the performance of small and medium-sized enterprises in China. *Sustainability*, 12(17), 6982.
- Wiklund, J., Patzelt, H., & Shepherd, D. A. (2009). Building an integrative model of small business growth. *Small Business Economics*, 32(4), 351-374.
- Wooldridge, J. M. (2002). *Introductory econometrics: A modern approach* (4th ed.). South-Western Cengage Learning. USA.
- Yazdanfar, D. (2012). The impact of financing pattern on firm growth: Evidence from Swedish micro firms. *International Business Research*, 5(9), 16-25.
- Yusoff, W. W. F., Md Isa, M. A., & Ismail, N. A. (2020). Entrepreneurial attitudes and firm performance: Evidence from Malaysian

SMEs. *Journal of Entrepreneurship, Management and Innovation*, 16(1), 103-124.

Yusuf, S. A., Aman, J. O., & Olawale, O. T. (2014). Effects of microcredit on small scale enterprise in Osun State, Nigeria. *Amerika International Journal of Contemporary Research*, 4(4), 190-200.

Zainuddin, M. N. A., Yusoff, R. M., & Mohd Nawi, M. N. (2020). The influence of microfinance on the performance of small and medium enterprises in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 21(1), 135-151.